

Bonggol elak nahas

HARIAN METRO 10/13/2017

Kuantan: Penduduk di sekitar Jalan Pelanduk, Air Putih, di sini, meminta pihak berkuasa tempatan menyediakan bonggol di kawasan perumahan mereka berikutan kekerapan kadar kemalangan yang berlaku di simpang jalan berkenaan.

Penduduk, Sam Kin Onn, 37, berkata, boleh dikatakan hampir setiap minggu ada kes kemalangan

berlaku mem-

babitkan pengguna jalan raya yang melalui kawasan berkenaan.

“Kebanyakan kemalangan itu disebabkan sikap pengguna jalan raya yang memandu laju berikutan jalan yang lurus serta tiada bonggol dibina sepanjang laluan berkenaan bagi memperlakan kenderaan terbabit.

“Saya juga membuat permohonan membina bonggol kepada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) sejak April 2016, namun sehingga kini tiada sebarang perkembangan mengenainya,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Katanya lagi, sebelum ini, jalan berkenaan mempunyai dua bonggol namun selepas penurapan semula jalan berkenaan, bonggol itu diratakan.

Kin Onn berharap masalah itu dapat diselesaikan segera MPK demi keselamatan penduduk.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semambu,

Lee Chean Chung ber-

kata, 10 permo-

hongan aduan

pembinaan bonggol jalan diterimanya di lima kawasan selain di Jalan Pelanduk.

“Saya terima aduan daripada

penduduk berhubung perkara itu dan akan merujuk MPK dalam masa terdekat,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK, Izad Zainal Muhammad Safian berkata, pihaknya menerima permohonan Kin Onn namun ditolak kerana tidak lengkap dan memerlukan sokongan daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

FAKTA

Setiap minggu ada kes kemalangan berlaku di kawasan berkenaan